KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	2/1/2022 (AHAD)	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	JPSM			

HUTAN SIMPAN LENTANG

TIADA LESEN DIBERI

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediaprima.com.my

Bentong

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) mengesahkan tiada lesen dikeluarkan di kawasan di Hutan Simpan Lentang.

Mengulas dakwaan beberapa pihak terdapatnya penerokaan, Ketua Pengarah JPSM Datuk Mohd Ridza Awang berkata, maksud penerokaan adalah terlalu umum.

Sedangkan, katanya, ada kawasan hutan yang diwartakan Hutan Simpan Kekal seperti Hutan Simpan Lentang, ada juga kawasan hutan yang berstatus tanah milik dan ada yang tanah kerajaan.

Beliau berkata, berdasarkan rekod memang tidak ada pembalakan di Hutan Simpan Lentang iaitu kawasan yang terhampir dengan beberapa penempatan penduduk terjejas bencana banjir lumpur disertai timbunan kayu pada 18 Disember lalu.

"Hutan Simpan Lentang sudah diwartakan oleh kerajaan negeri Pahang dan di bawah pengurusan Jabatan Perhutanan Pahang.

"Kawasan itu juga sudah diwartakan sebagai hutan tadahan air. Ia adalah kawasan hutan perlindungan, memang tak ada pembalakan di hutan simpan.

"Kayu kayan balak hanyut itu kena semak dari mana datangnya. Macam saya kata tadi, ada kawasan hutan yang di luar daripada hutan simpan kekal, mungkin tanah kerajaan dan tanah milik pun mungkin. Jadi kena buat semakan terperinci di mana sumber kayu (hanyut) berkenaan," katanya.

Menurutnya, ada pihak lain juga sudah membuat kenyataan seperti pakar geo-bencana Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komo yang berdasarkan lawatan ke lapangan serta pemantauan melalui dron mendapati runtuhan bukit besar dan kayu hanyut berkenaan adalah daripada faktor geologi semula jadi ketika hujan lebat.

Apapun, tegasnya, tiada lesen pembalakan dikeluarkan di semua hutan perlindungan termasuk Hutan Simpan Lentang.

"Kita juga sudah semak melalui imej satelit. Memang tiada perubahan hutan berdasarkan imej sebelum ini dan imej sekarang. Litupan hutan itu sama.

"Cuma Jabatan Perhutanan Pahang sedang membuat lagi semakan di lapangan kerana dibimbangi ada orang teroka.

"Jika didapati ada penerokaan, kita akan ambil tindakan. Setakat ini tidak jumpa lagi," katanya.

Bagaimanapun, menurutnya, di luar dari Hutan Simpan Lentang itu masih belum dapat dipastikan jika terdapat pembangunan tanah oleh pemilik tanah, contohnya durian atau pun getah yang ditebang untuk ditanam spesies lain.

Terdahulu, Jabatan Perhutanan Pahang menerusi kenyataan pada Rabu menjelaskan tinjauan dron mendapati tiada pembalakan secara sah atau haram di Hutan Simpan Lentang, tanah kerajaan serta tanah milik berhampiran Jalan Bentong-Karak dan Jambatan Sri Telemong di Bentong.

Kenyataan itu, memakhumkan semakan di kedua-dua tempat mendapati sisa kayu yang berselerak di atas jalan dan jambatan itu yang dikaitkan dengan pembalakan menerusi media sosial, ialah sisa sampah-sarap daripada kejadian kepala air di Sungai Temeriak, Sungai Kerau dan Sungai Timbul yang berlaku pada 18 Disember lalu.

Tiada lesen pembalakan dikeluarkan di semua hutan perlindungan



PEMANDANGAN udara Sungai Kerau yang dibanjiri dengan kayu balak yang menyebabkan kemusnahan pada rumah penduduk ketika tinjauan pasca banjir di Kampung Sri Telemong, Karak. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

Penerokaan tak terancang penyumbang banjir: JPS

Bentong: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) daerah Bentong mendedahkan bahawa penerokaan yang tidak terancang adalah antara faktor berlakunya banjir disertai lumpur dan timbunan balak yang dibawa arus melanda beberapa penempatan di sini, 18 Disember lalu.

Jurucakap JPS daerah Bentong, Shahrizal Zainuddin berkata, memang faktor hujan lebat sudah tentu antara penyebab bencana alam itu, namun selain itu adalah faktor penerokaan.

"Apa yang kami nampak... ini jujur saya cerita apa yang kami nampak (adalah) penerokaan. Masalah (berpunca) daripada penerokaan yang tidak terancang.

"Jadi, apa yang mereka (penerokaan) lakukan, inilah (bencana banjir lumpur disertai timbunan kayu balak) yang penduduk kampung dapat, penduduk kampung menerimanya (akibatnya)," katanya.



SHAHRIZAL

Beliau ditemui ketika bersama kakitangan JPS daerah Bentong, Balai Polis Telemong dan Persatuan Bomba Sukarela Telemong Karak melakukan penugasan khidmat masyarakat memberisihkan Balai Raya Kampung Sungai Perdak, di sini, untuk dijadikan kemudahan sementara petugas di kawasan bencana itu.

Ditanya adakah faktor lebar sungai turut memberikan kesan kepada bencana, katanya, ia tidak mempengaruhi.

Sementara itu, Ketua Balai Polis Telemong (OCS), Sarjan Mejar Ibrahim Md Nasir berkata, keadaan sejurus bencana, kiri dan kanan jalan dipenuhi kayu-kayan sehingga menyekat laluan utama dan menutup pemandangan rumah penduduk.

Namun, katanya, dengan kerjasama agensi kerajaan serta semua pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO) yang segera hadir membantu membolehkan laluan dibersihkan untuk memboleh-kan dilalui semula selain operasi pembersihan kawasan terjejas.

Bagi Pengerusi Persatuan Bomba Sukarela Telemong Karak, Bentong Pahang, Lai Wah Foong pula yang mengimbas kejadian, katanya, ia adalah pengalaman pertamanya berdepan bencana terburuk.

"Bukan sahaja banjir naik melebihi tujuh kaki (2.13 meter) tetapi lebih teruk disertai lumpur dan balak.

"Waktu kejadian, kira-kira 4 petang apabila air mula naik memasuki rumah di Kampung Sungai Perdak ini, kami mengarahkan penduduk segera meninggalkan kediaman masing-masing," katanya.

Trauma lihat rumah ditimpa kayu balak

Bentong: Melengung jauh Thu Ah Che, 64, dan isteri Chan Mee Lim, 56, apabila melihat kemusnahan kediaman dibina keluarga sejak lima dekad lalu ranap sekelip mata dalam kejadian banjir lumpur yang turut mengheret timbunan balak dari hutan berhampiran.

Ketika ditemui di rumah mereka di Kampung Sungai Perdak, di sini, Chan khusnya masih trauma, sesekali bergetar suaranya malah menunjukkan lengannya yang meremang bulu roma disebabkan takut dengan bencana dahsyat pertama kali dialami.

Rumah pasangan itu hampir hancur ditimpa kayu balak yang dibawa banjir bersama arus deras dalam kejadian 18 Disember lalu.

"Pada 18 Disember lalu, saya dapat tahu kejadian banjir di kampung kami kira-kira jam 5 petang hari berkenaan.

"Masa kejadian, saya dan suami di rumah anak di Taman Sri Bayu, Karak. Pada waktu itu kami sangat gelisah sebab susah berkomunikasi, liputan talian telefon tersekat-sekat.

"Hanya tahu apabila jiran maklumkan. Memang pernah berlaku banjir dengan lumpur namun tak pernah disertai timbunan balak hingga kayu menghempap dan masuk ke dalam rumah," kata Chan.

Dia yang mempunyai empat anak dan tujuh cucu mengakui, walaupun hampir 90 peratus kediaman di kampung berkenaan rosak teruk membabitkan 29 rumah, namun kira-kira 80 penduduk yang kebanyakannya orang tua sempat menyelamatkan nyawa ketika kejadian.

Bagi Thu pula, dia dan isteri belum memutuskan mahu kembali menetap semula ke kediaman di kampung itu atau berpindah ke tempat lain.

"Ini kali pertama kami hadapi banjir paling teruk. Lebih 50 tahun tinggal di sini, sudah banyak kali banjir tetapi balak tak pernah sampai masuk rumah.

"Apabila datang sini, rumah dan jalan raya dipenuhi balak menyebabkan saya rasa takut. Tak tahulah nak pindah semula atau tidak.

"Atau pun kemungkinan penduduk diberikan penempatan lain oleh kerajaan, itu tak tahulah kalau tak boleh duduk, nanti saya bercadang untuk menyewa rumah," katanya.



CHAN (kiri) dan Thu melihat keadaan kayu balak yang memusnahkan rumah mereka di Kampung Sungai Perdak, Karak.